

**MAKLUM BALAS INPUT DAN CADANGAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2021 YAB DATO' MENTERI  
BESAR SELANGOR BERSAMA AHLI DEWAN NEGERI DAN AHLI PARLIMEN NEGERI SELANGOR**

**JABATAN : PEJABAT DAERAH/TANAH PETALING**

| BIL                                                  | INPUT DAN CADANGAN<br>DARIPADA | PERKARA YANG DIBANGKITKAN                                                                                                                                                                                                                                           | MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|------------------------------------------------------|--------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>A. PENGURUSAN VAKSINASI DAN SARINGAN COVID-19</b> |                                |                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 3                                                    | YB Bukit Lanjan                | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Vaksin Selangor ke setiap DUN.</li> <li>- Tambah pelaburan dalam sektor kesihatan dan boleh diperluaskan melalui GLC dan penglibatan pihak swasta contoh program pembangunan fasiliti kesihatan vaksin.</li> </ul> | <p>Sehingga kini Pejabat Daerah dan Tanah Petaling selaku <i>Covid-19 Immunisation Task Force</i> (CITF) Daerah Petaling telah mengurus dan menyelia pengoperasian 12 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sekitar Daerah Petaling yang merangkumi kawasan Shah Alam, Setia Alam, Bandar Sunway, Petaling Jaya, Puchong, Seri Kembangan dan Sungai Buloh.</p> <p>Pemberian vaksin bagi semua PPV di daerah Petaling telah mencapai lebih dari 50,000 dos sehari. Sehingga kini dari jumlah populasi penduduk Daerah Petaling yang berjumlah 1,675,874 sebanyak 66.69% (1,057,623) telah melengkapkan dos pertama vaksin dan 22.95% (363,938) telah melengkapkan vaksinasi.</p> |

| BIL | INPUT DAN CADANGAN DARIPADA | PERKARA YANG DIBANGKITKAN                                                                                                                                          | MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7   | YB Taman Medan              | - Keseriusan Kerajaan Negeri terhadap program saringan dengan jumlah peruntukan yang besar. Program ini perlu diteruskan kesinambungannya dengan program vaksinasi | - PDT Petaling melalui kelulusan dan peruntukan yang disalurkan Kerajaan Negeri turut menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti penduduk setempat yang mempunyai kadar penularan yang tinggi. Melalui pelaksanaan PKPD juga antara aktiviti yang dijalankan adalah <i>mobile clinic</i> , saringan COVID-19 dan pemberian vaksin kepada penduduk.                      |
| 8   | YB Kota Anggerik            | - Tawaran kelonggaran SOP kepada rakyat yang telah lengkap dos vaksin.                                                                                             | - PDT Petaling bersetuju dengan cadangan tawaran kelonggaran SOP kepada rakyat yang telah lengkap dos vaksin bagi menggalakkan lebih penduduk mendaftar menerima vaksin melalui MySejahtera. Sehingga kini Pejabat Daerah dan Tanah Petaling selaku <i>Covid-19 Immunisation Task Force</i> (CITF) Daerah Petaling telah mengurus dan menyelia pengoperasian 12 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sekitar Daerah |

| BIL | INPUT DAN CADANGAN DARIPADA | PERKARA YANG DIBANGKITKAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-----|-----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | Petaling. Dari jumlah populasi penduduk Daerah Petaling yang berjumlah 1,675,874 sebanyak 66.69% (1,057,623) telah melengkapkan dos pertama vaksin dan 22.95% (363,938) telah melengkapkan vaksinasi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 9   | YB Bandar Utama             | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Belanjawan harus diletakkan polisi pemvaksinan, bantuan, pekerjaan, ekonomi yang berkaitan dengan kelangsungan hidup warga Selangor.</li> <li>- Wujudkan komunikasi berkesan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan dan memudahkan temujanju pemberian vaksin.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan Negeri sangat komited serta telah melaksanakan hubungan dua hala yang berkesan dengan Kerajaan Persekutuan. Melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang dilaksanakan, CITF Persekutuan telah meluluskan pembukaan 12 PPV di Daerah Petaling beserta peruntukan dan vaksin bagi mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada penduduk di Daerah Petaling. Hasilnya sehingga kini Pejabat Daerah dan Tanah Petaling selaku Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) Daerah Petaling telah mengurus dan menyelia pengoperasian 12 Pusat</li> </ul> |

| BIL | INPUT DAN CADANGAN DARIPADA | PERKARA YANG DIBANGKITKAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | Pemberian Vaksin (PPV) di sekitar Daerah Petaling. Dari jumlah populasi penduduk Daerah Petaling yang berjumlah 1,675,874 sebanyak 66.69% (1,057,623) telah melengkapkan dos pertama vaksin dan 22.95% (363,938) telah melengkapkan vaksinasi.                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 10  | YB Seri Kembangan           | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemberian vaksin secara percuma kepada B40 dan M40.</li> <li>- Bagaimana Kerajaan Negeri dapat bantu bawa pesakit COVID-19 positif ke Pusat Kuaranti kerana kekangan ambulan KKM.</li> <li>- Membenarkan ADN membeli vaksin menggunakan peruntukan sedia ada kerana bilangan 100 vaksin tidak cukup untuk setiap ADN</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Vaksin diberikan secara percuma kepada semua golongan peringkat yang telah mendaftar dengan MySejahtera melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).</li> <li>- Bagi menampung kekurangan ambulans untuk membawa pesakit, PKD Petaling dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah menambah bilangan ambulans. Pihak Berkuasa Tempatan (MBSA, MBSJ dan MBPJ) melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Petaling telah menambah bilangan</li> </ul> |

| BIL                                                                                                                                                                                               | INPUT DAN CADANGAN DARIPADA | PERKARA YANG DIBANGKITKAN | MAKLUM BALAS JABATAN/ AGENSI                                                                                                                                                                                                                     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|---------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                                                                                                                                                                                                   |                             |                           | pemandu untuk tujuan ini. Selain itu juga turut menambah baik inisiatif perkhidmatan di Daerah Petaling, PBT turut membekalkan kenderaan tambahan untuk mengambil penduduk yang mempunyai masalah kenderaan untuk hadir ke CAC Stadium Malawati. |
| <b>B. PENGURUSAN TAHAP KESIHATAN RAKYAT</b>                                                                                                                                                       |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                                                                                                                                                                                                   |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>D. PENGURUSAN &amp; PERANCANGAN INFRASTRUKTUR/ PEMBANGUNAN</b>                                                                                                                                 |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
|                                                                                                                                                                                                   |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>E. PENGURUSAN KELANGSUNGAN PROGRAM PEMBELAJARAN</b>                                                                                                                                            |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>G. PENGURUSAN ALAM SEKITAR</b>                                                                                                                                                                 |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>PENGESAHAN KETUA JABATAN</b><br><br><b>DATO' JOHARY BIN ANUAR, D.P.M.S</b><br><b>PEGAWAI DAERAH PETALING</b><br><b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING</b><br><br><b>Tarikh:      Julai 2021</b> |                             |                           |                                                                                                                                                                                                                                                  |